

9 HARI 7 MALAM **TURKI PILIHAN MUSLIM** **CHARTERED FLIGHT**

Istanbul – Bursa – Kusadasi – Pamukkale – Konya – Cappadocia – Ankara – Bolu – Istanbul



HARI 1 KUALA LUMPUR – ISTANBUL (153KM) – BURSA (MM)

Berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Istanbul. Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sabiha. Menaiki feri ke Yalova untuk meneruskan perjalanan ke Bursa. Persembahan Whirling Dervishes di Karabaş-i Veli Cultural Center. Bermalam di Bursa.

Hotel 4*

HARI 2 BURSA (409KM) – KUSADASI (SP/MT/MM)

Lawatan ke tapak warisan dunia UNESCO iaitu *Green Mosque* dan *Green Tomb*, yang terkenal dengan kehebatan senibina zaman Uthmaniyah. Seterusnya ke **Masjid Agung Bursa**. Makan tengahari di Bursa Iskender Kebab Restaurant yang terkenal di Bursa. Membeli-belah di **Silk Bazaar**. Bertolak ke Kusadasi. Semasa dalam perjalanan, berhenti sebentar di kedai *Turkish Delight*, untuk mencuba dan membeli pencuci mulut yang juga boleh dijadikan cenderahati. Bermalam di Kusadasi.

Hotel 4*

HARI 3 KUSADASI (190KM) – PAMUKKALE (SP/MT/MM)

Melawat *Ephesus* dan *Temple of Artemis* yang merupakan salah satu daripada Tujuh Keajaiban Zaman Dahulu. Singgah di pusat barangan kulit buatan Turki sambil dihiburkan dengan pertunjukan fesyen. Perjalanan diteruskan ke Pamukkale. Bermalam di Pamukkale.

Hotel 4*

HARI 4 PAMUKKALE (405KM) – KONYA (235KM) – CAPPADOCIA (SP/MT/MM)

Melawat *Hierapolis* dan *Cotton Castle* yang juga merupakan salah satu tapak warisan dunia UNESCO. Ia merupakan tapak peninggalan sejarah seperti kuil, dan monumen-monumen Greek. Bertolak ke Konya, bergambar di *Caravanserai* yang merupakan sebuah hotel kuno tempat persinggahan para pedagang dan pengembara yang dipercayai wujud pada abad ke-13. Lawatan seterusnya ke **Muzium Mevlana** dan juga tempat makam Jalal ad-din Muhammad Rumi, seorang ahli sufi dari Parsi. Perjalanan diteruskan ke Cappadocia dan bermalam disana.

Hotel 5*

HARI 5 CAPPADOCIA (SP/MT/MM)

Lawatan Pilihan: **Menaiki belon udara panas @ USD230 seorang**

Lawatan bermula di *Uchisar Citadel* yang terletak di puncak tertinggi Cappadocia. Di sini anda dapat melihat keindahan panorama seluruh Cappadocia yang bertatarbelakangkan Gunung Erciyes. Lawatan diteruskan ke **bandar bawah tanah** yang merupakan tempat tinggal pelarian Kristian pada zaman dahulu di mana kesan peninggalan yang jelas seperti dapur, bilik stor, kandang dan sebagainya. Lawatan ke *Love Valley* untuk melihat keunikan dan kehebatan formasi batu dan lanskap semulajadi yang sangat mengagumkan. Selepas makan tengahari, lawatan diteruskan ke *Devrent Valley* untuk melihat pelbagai bentuk formasi batu *fairy chimney's* seperti haiwan. Lawatan sambil belajar untuk melihat cara pembuatan pasu dan karpet buatan Turki

yang terkenal dengan kehalusan hasil seninya. Bermalam di Cappadocia
Hotel 5*

HARI 6 CAPPADOCIA (300KM) – ANKARA (216KM) – BOLU (SP/MT/MM)

Bertolak ke Ankara. Melawat **Makam Kemal Atatürk** yang merupakan bapa kemerdekaan dan presiden pertama Turki. Bergambar di *Istana Ankara*. Perjalanan diteruskan ke Bolu. Bermalam di Bolu.

Hotel 4*

HARI 7 BOLU (290KM) – ISTANBUL (SP/MT/MM)

Bertolak ke Istanbul. Lawatan ke *Blue Mosque*, *Hagia Sophia*, *Topkapi Palace* dan *Hippodrome* untuk melihat keindahan dan kesenian Islam di kota Istanbul. Makan malam di *Turkish Kebab House*. Bermalam di Istanbul.

Hotel 4*

HARI 8 ISTANBUL – KUALA LUMPUR (SP/MT)

Lawatan diteruskan ke **Masjid Ayub Al-Ansari** dan **Masjid Camlica**. Membeli-belah di *Grand Bazaar*. Tetamu akan dibawa menaiki **pelayaran Bosphorus**. Membeli-belah di *Spice Bazaar* jika masa mengizinkan. Bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sabiha untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 9 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



Jadual Penerbangan

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA	TEMPOH
01	MH8468	KLUMPUR – SABIHA	0715	1320	11 JAM
08	MH8469	SABIHA – KUALA LUMPUR	1545	0725+1	11 JAM

Tarikh Berlepas

SAIZ KUMPULAN	TARIKH BERLEPAS	BILIK BERDUA	KANAK ² BERKATIL
34	16 Nov 2019	RM 4699.00	RM 4299.00
34	23 Nov 2019	RM 4699.00	RM 4299.00
34	30 Nov 2019	RM 4699.00	RM 4299.00
34	07 Dis 2019	RM 4699.00	RM 4299.00
34	14 Dis 2019	RM 4699.00	RM 4299.00
34	21 Dis 2019	RM 4699.00	RM 4299.00
34	28 Dis 2019	RM 4699.00	RM 4299.00
34	04 Jan 2020	RM 4699.00	RM 4299.00

Pakej Highlights

- Chartered flight dengan Malaysia Airlines, penerbangan terus ke Istanbul
- 2 malam penginapan hotel bertaraf 5 bintang di Cappadocia
- Pelayaran Bosphorus
- Pengalaman menaiki feri ke Bursa
- Mengetengahkan restoran yang terkenal di Bursa, Cappadocia dan Istanbul
- Aturcara perjalanan yang mesra Muslim, sesuai penjagaan waktu solat
- Tempat lawatan yang *insta-worthy* seperti *Blue Mosque, Hagia Sophia, Ephesus, Cotton Castle, Devrent Valley, dan Love Valley*

Apa yang termasuk dalam harga pakej?

- ✓ Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surjaj minyak dan cukai penerbangan
- ✓ Elaun bagasi 30kg dan bagasi kabin 7kg
- ✓ Tiket masuk ke *Hippodrome, Topkapi Palace, Hagia Sophia, Ephesus Ancient City, Hierapolis (Cotton Castle), Makam Mevlana, Underground City*, dan Pelayaran Bosphorus,
- ✓ Sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan
- ✓ Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris sepanjang lawatan
- ✓ Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran

Apa yang tidak termasuk dalam harga pakej?

- × Insuran kembara
- × Surjaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak, cuti sekolah
- × Servis tambahan di hotel seperti perkhidmatan dobi, snek, mini bar dan perkhidmatan porter jika tidak disediakan oleh pihak Musafir-go
- × Servis tambahan di restoran selain yang dinyatakan di dalam aturcara
- × Bayaran tambahan bagi lebihan bagasi haruslah ditanggung oleh individu terbabit
- × Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk